

# MRT Corp beri kontrak RM1.01b kepada CCCC-George Kent



KETUA Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar. - Foto Abdullah Yusof

KUALA LUMPUR: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) memberi pakej kerja pemasangan trek, kenderaan penyelenggaraan dan kereta api kerja bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) bernilai RM1.01 bilion kepada syarikat usaha sama China Communications Construction Company Ltd (CCCC) dan George Kent.

MRT Corp dalam satu kenyataan semalam berkata, Pakej SSP-SY-204, bagi kerja kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan, pengujian dan pentauliahan kerja pemasangan trek, kenderaan penyelenggaraan dan kereta api kerja itu, dianugerahkan selepas selesai mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC), yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

CCCC memegang 51 peratus kepentingan dalam syarikat usaha sama itu, manakala baki 49 peratus lagi milik George Kent.

Memperincikan perkara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar, berkata pakej itu adalah sebahagian pakej kerja utama bagi pembinaan Laluan SSP.

Katanya, pemenang tender dipilih berasaskan penilaian tender terbaik, yang mana bermakna penender yang berjaya tidak semestinya menawarkan harga yang paling rendah.

"Namun begitu, bagi pakej kerja ini, saya berbesar hati mengumumkan penender berjaya adalah yang menawarkan harga yang paling rendah," jelas beliau.

Shahril berkata, CCCC adalah syarikat yang memiliki pengetahuan teknikal dalam pengendalian projek infrastruktur, termasuk pembinaan kereta api, manakala George Kent syarikat tempatan yang berpengalaman dalam industri kereta api di negara ini.

"Berdasarkan proses penilaian tender, syarikat usaha sama ini adalah antara tujuh penender, yang memperoleh keputusan baik bagi bahagian penilaian teknikal," katanya.

Dengan penganugerahan itu, MRT Corp sudah menganugerahkan 22 pakej kerja bagi pembinaan Laluan SSP terdiri daripada lapan pakej kerja awalan, empat pakej kerja jejambat, satu pakej kerja bawah tanah, enam pakej kerja sistem, dua pakej pembekal yang ditetapkan, dan satu pakej kerja depoh.

Antara kriteria penilaian teknikal adalah pematuhan kepada spesifikasi MRT Corp, cadangan kaedah kerja, tahap prestasi, rekod pencapaian, program kerja dan pematuhan kepada tarikh utama, pelan pelaksanaan projek, pelan penyelenggaraan, kualiti dan jaminan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar tapak kerja.

DISYORKAN

-

